



07 APR, 2026

Kilang e-waste haram di Bestari Jaya diserbu

Harian Metro, Malaysia



Kilang e-waste haram di Bestari Jaya diserbu

Shah Alam: Kegiatan sebuah kilang memproses sisa elektronik (*e-waste*) haram di Jalan Harmoni 1, Simpang 3 Ijok, Bestari Jaya, Kuala Selangor lumpuh selepas diserbu pihak berkuasa pada Khamis lalu.

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dalam satu kenyataan berkata, seramai 50 anggota terbabit dalam operasi bersepadu membabitkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kuala Selangor.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis itu menjalankan aktiviti kitar semula barangan elektronik tanpa kebenaran.

"Sehubungan itu, Jabatan

Penguat Kuasa MPKS mengeluarkan satu kompaun atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007.

"Selain itu, satu Notis Memberhentikan Perniagaan turut dikeluarkan dan tindakan penutupan premis sudah dilaksanakan," menurut kenyataan itu.

MPKS berkata, pihaknya melakukan sitaan terhadap pelbagai peralatan yang digunakan dalam operasi kilang itu termasuk penimbang, pemampat udara (air compressor), jentera angkat (forklift), kipas ekzos (exhaust fan), troli, mesin pemotong, jack mudah alih, peralatan kimpalan (welding), barangan pelbagai serta sejumlah besar kipas industri.

Jelasnya, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran pula

mengeluarkan satu kompaun atas kesalahan tidak menjaga kebersihan premis serta satu notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan di bawah Seksyen 82(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

"Jabatan Kawalan Bangunan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap struktur bangunan kerana pemilik mempunyai Permit Pelan Bangunan yang sah.

"Namun demikian, siasatan dan semakan secara terperinci akan dilaksanakan dan memastikan segala arahan pematuhan dalam syarat kelulusan dipatuhi.

"Sekiranya gagal tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Akta 133 Jalan Parit dan Bangunan," katanya.

Beliau berkata, Jabatan

Pelesenan menjalankan semakan terhadap status pemilikan lesen perniagaan premis berkenaan.

Dalam operasi yang sama, SPAN bersama Air Selangor melaksanakan semakan pemilikan meter air serta tindakan rampasan meter air.

TNB turut menjalankan semakan pemilikan meter elektrik dan akan mengambil tindakan susulan termasuk pengeluaran notis pemotongan bekalan elektrik setelah menerima permohonan daripada pihak MPKS.

Manakala JAS menjalankan persampelan terhadap bahan e-waste dengan mengambil sebanyak lima sampel untuk analisis lanjut, di samping melaksanakan tindakan penahanan operasi serta pemeriksaan ke atas enam bahagian stok e-waste.



PIHAK berkuasa menyerbu sebuah kilang haram yang memproses sisa elektronik (*e-waste*) di Jalan Harmoni 1, Simpang 3 Ijok, Bestari Jaya, Kuala Selangor, baru-baru ini.